

15 AUG 1998

Mahathir-Komanwel

PERDANA MENTERI LANCAR KARNIVAL SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Karnival Sukan Komanwel di Bangsar dan beliau mengajak rakyat supaya bersama-sama memeriahkan sukan itu, terutama pada hari pembukaannya nanti.

"Sukan ini diadakan empat tahun sekali. Malaysia mungkin tidak dapat menganjurkannya dalam tempoh masa yang lama kerana dalam Komanwel ada 52 negara," katanya.

Walaupun penyertaan atlit penting, kehadiran penonton juga penting, katanya.

"Kita berharap pada hari pembukaan nanti semua tempat duduk akan dipenuhi. Saya berharap anda akan membeli tiket untuk menyaksikan sukan itu," katanya sambil disambut tepukan dan sorakan gemuruh daripada kira-kira lima ribu orang yang hadir.

"Kita mahu majlis pembukaan jadi majlis riang gembira. (Dengan cara ini) Baru ternampak kita sokong Sukan Komanwel," katanya.

Sebelum itu, ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, dalam keadaan hujan renyai-renyai, disambut oleh Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Setiausaha Parlimennya, yang juga anggota Parlimen Lembah Pantai Datuk Shahrizat Jalil.

Dr Mahathir berkata, mereka yang membeli tiket, walaupun untuk tujuan menderma, patut juga menggunakan tiket itu untuk menghadiri sukan berkenaan.

Katanya, para atlit negara perlu berusaha sedaya upaya untuk memenangi pingat supaya seluruh negara boleh menumpang bergembira dengan kejayaan mereka.

Sepanjang kehadiran tetamu asing sempena kejohanan itu, rakyat Malaysia kata Perdana Menteri juga perlu menjadi hos yang baik.

"Kita mahu mereka memperolehi kenangan manis semasa berada di sini. Tiada yang lebih baik daripada layanan mesra. Jika anda ada wang belanjalah mereka makan," katanya sambil berseloroh.

Sepanjang perjalanan beliau melawat gerai-gerai, Dr Mahathir disambut dengan tarian singa, kompang dan tarian masyarakat punjabi. Bunyi muzik kedengaran di merata-merata tempat ketika beliau memotong riben belon bagi menandakan perasmian karnival.

Perdana Menteri juga menerima sumbangan RM535,340 daripada pelbagai syarikat yang membeli tiket Sukan Komanwel.

-- BERNAMA

RA RI